BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/13/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 20 Mac 2013

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2012

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ialah penerbitan tahunan Bank Negara Malaysia (Bank) yang mengandungi penilaian Bank mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan kapasiti sistem ini mengekalkan peranannya sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Laporan ini juga melaporkan langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan terus selamat dan kukuh selain menggalakkan kestabilan kewangan dan pembayaran secara keseluruhan, serta inisiatif pembangunan yang digerakkan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan dalam menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan 2012

Kestabilan kewangan dalam negeri kekal teguh dan keyakinan keseluruhan terus kukuh sepanjang tahun 2012 sekali gus memastikan pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Sistem kewangan Malaysia terus menunjukkan daya tahan yang tinggi meskipun berdepan dengan ketidakpastian yang berlarutan dalam ekonomi dan pasaran kewangan global. Ini disokong oleh institusi kewangan yang mempunyai permodalan yang cukup baik dan keadaan pasaran kewangan dalam negeri yang teratur dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan. Penilaian ke atas Malaysia di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund) dan Bank Dunia (World Bank) pada tahun 2012 terus mengesahkan daya tahan sektor kewangan Malaysia terhadap tekanan makroekonomi dan kewangan.

Institusi kewangan terus mencatat kedudukan modal dan prestasi kewangan yang kukuh di tengah-tengah langkah pembaikan yang berterusan terhadap operasi dan amalan pengurusan risiko. Nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras bank masing-masing pada 15.2% dan 13.4%, pada akhir tahun 2012, dengan penampan modal melebihi RM80 bilion. Dengan bahagian modal yang signifikan dalam bentuk modal ekuiti, bank berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan modal baharu di bawah Basel III yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Januari 2013. Nisbah ekuiti bersama kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing pada 12.1%, 13% dan 14.5% pada

akhir Januari 2013. Industri insurans juga terus mempunyai modal yang kukuh dengan nisbah kecukupan modal industri insurans am dan hayat tidak berubah pada 222.3%. Selain disiplin berterusan dalam pemberian pinjaman, institusi kewangan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurus dedahan terhadap risiko pasaran, risiko insurans dan risiko komersial teralih. Strategi ini telah meningkatkan daya tahan terhadap pelbagai kejutan ekonomi dan pasaran.

Kualiti kredit sektor kewangan Malaysia juga kekal utuh dengan risiko kepada kestabilan kewangan daripada dedahan kredit kepada isi rumah dan perniagaan, pada amnya tidak berubah. Keadaan kewangan perniagaan kekal menggalakkan dan secara amnya bertambah baik, sementara pertumbuhan pendapatan dan prospek guna tenaga yang stabil secara amnya terus menyokong keupayaan isi rumah untuk membayar hutang. Pertumbuhan keseluruhan pemberian pinjaman adalah lebih rendah pada 13% bagi tahun kedua berturut-turut, terutamanya disebabkan oleh perkembangan yang lebih perlahan dalam pemberian pinjaman kepada isi rumah. Pembiayaan persendirian bagaimanapun berkembang kukuh sebanyak 30% pada tahun 2012, didorong terutamanya oleh pengembangan pembiayaan sedemikian oleh institusi kewangan bukan bank. Walaupun kebanyakan peminjam ini adalah mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, risiko kredit dikurangkan dengan baik kerana kira-kira 80% daripada peminjam ini mempunyai pekerjaan yang stabil dan pendapatan tetap, dan pembayaran pinjaman ini dipotong secara automatik pada peringkat gaji kasar. Perkembangan ini bagaimanapun dipantau dengan rapi memandangkan baru-baru ini terdapat inovasi terhadap produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan bukan bank. Amalan pengunderaitan dan fungsi pengurusan risiko bank terus diperkukuh. Berikutan pelaksanaan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab pada tahun 2012, bank lebih teliti dalam menilai kemampuan peminjam melalui penampan yang lebih berhemat dimasukkan dalam pengiraan nisbah khidmat bayaran hutang, proses yang lebih baik, dan dokumentasi dalam pengesahan pendapatan. Trend jejas nilai terus bertambah baik merentas semua pinjaman. Pada akhir tahun 2012, nisbah pinjaman terjejas kasar sistem perbankan bertambah baik kepada 1.5% bagi portfolio pinjaman isi rumah, 2.9% bagi perniagaan besar dan 3% bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dalam pasaran harta tanah, langkah awalan kehematan makro dan fiskal yang dilaksanakan telah menyebabkan aktiviti pelaburan yang melibatkan pembelian harta kediaman menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, harga rumah keseluruhan terus meningkat pada kadar yang kukuh, didorong oleh faktor makroekonomi dan bukannya faktor kewangan, memandangkan bekalan rumah masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tulen terhadap rumah baharu. Langkah-langkah tambahan yang diambil oleh Kerajaan termasuklah menambah penawaran rumah mampu milik, bertujuan untuk mengekang kenaikan harga rumah secara berterusan. Walau bagaimanapun, risiko terhadap kestabilan kewangan daripada perkembangan ini kekal terkawal, terutamanya disebabkan disiplin dalam tahap pemberian pinjaman yang berterusan dan penambahbaikan selanjutnya dalam amalan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

pengurusan risiko oleh institusi perbankan. Dedahan institusi kewangan kepada segmen harta tanah bukan kediaman juga adalah rendah.

Dedahan institusi kewangan Malaysia kepada rakan niaga di Eropah kekal rendah dan keadaan insurans semula global turut bertambah baik dengan ketara, sekali gus mengurangkan risiko berkaitan dengan penempatan insurans semula asing. Malaysia terus berada pada kedudukan yang kukuh untuk menangani kesan aktiviti penyahleveraj (pengurangan hutang) yang berkemungkinan dilaksanakan oleh institusi kewangan Eropah, dengan institusi domestik dan bank asing lain di Malaysia bersedia untuk menampung sebarang kehilangan kapasiti. Pengembangan oleh bank Malaysia pada peringkat serantau dijalankan pada kadar yang secara relatif sederhana dan setara dengan peningkatan keupayaan institusi perbankan untuk mengurus risiko berasaskan seluruh kumpulan.

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2012 dan menyokong aktiviti sektor kewangan dan ekonomi. Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-Time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) terus beroperasi dan mematuhi piawaian antarabangsa yang tinggi, sementara sistem pembayaran runcit yang utama terus beroperasi dengan baik tanpa sebarang gangguan besar.

Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan

Enakmen Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013,IFSA) menandakan satu lagi pencapaian besar dalam usaha memodenkan undang-undang sektor kewangan negara bagi memperkukuh mandat Bank untuk memelihara kestabilan kewangan. Perundangan baharu ini mengukuhkan dengan ketara asas rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang efektif, telus dan yang menyumbang kepada sistem kewangan yang cekap yang berdaya tahan untuk menghadapi tekanan pada masa hadapan. Perundangan baharu ini juga mengukuhkan pengawasan terhadap amalan pasaran penyedia perkhidmatan kewangan, menggalakkan pengawasan yang efektif terhadap sistem dan instrumen pembayaran, dan menyokong prasyarat pembangunan sektor kewangan.

Sistem pengawalan dan penyeliaan Malaysia mendapat penilaian positif di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program, FSAP), apabila didapati tahap pematuhan yang tinggi oleh sektor perbankan dan insurans terhadap rangka kerja pengawalan dan penyeliaan domestik, sistem insurans deposit dan infrastruktur pasaran kewangan bertaraf antarabangsa. Saranan utama oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia akan dilaksanakan melalui rangka kerja perundangan yang lebih baik seperti disediakan oleh FSA dan IFSA.

Pelaksanaan pakej pembaharuan pengawalseliaan global Basel III di dalam negeri berjalan lancar dengan penerbitan peraturan muktamad yang akan meningkatkan dengan ketara tahap dan kualiti modal kawal selia bank. Keperluan baharu ini sedang diperkenalkan secara berperingkat-peringkat

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

mulai bulan Januari 2013 hingga bulan Disember 2018 selaras dengan garis masa pelaksanaan yang ditetapkan pada peringkat global. Institusi perbankan Malaysia berada pada kedudukan permulaan yang kukuh untuk memenuhi piawaian yang lebih tinggi ini, dan tempoh peralihan yang dilanjutkan memberikan ruang yang cukup untuk bank menambah penampan yang diperlukan secara beransur-ansur. Bagi industri takaful, Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT) yang muktamad telah dikeluarkan untuk lebih mengukuhkan rangka kerja kehematan bagi pengendali takaful agar setanding dengan piawaian yang terpakai untuk industri insurans. Pematuhan sepenuhnya kepada RBCT akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Penambahbaikan selanjutnya telah dibuat terhadap piawaian kehematan yang menggalakkan tadbir urus risiko dan pengurusan berhemat bagi dedahan kepada rakan niaga tunggal. Melangkah ke hadapan, Bank akan menyediakan tahap pengawasan yang wajar ke atas syarikat pemegangan kewangan bagi memastikan aktiviti kumpulan kewangan tidak akan menimbulkan sebarang risiko yang tidak diingini terhadap keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan. Ini termasuk menetapkan piawaian keselamatan bagi syarikat pemegangan kewangan, menjalankan penyeliaan bersepadu secara berterusan dan menghendaki tindakan pembetulan diambil oleh syarikat pemegang kewangan bagi menangani risiko yang telah dikenal pasti.

Dalam bidang amalan pasaran, keutamaan Bank pada tahun 2012 adalah untuk melaksanakan rangka kerja penyeliaan amalan pasaran yang lebih baik dan memperkukuh pengantara insurans. Penambahbaikan didapati telah dibuat terhadap perhatian yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan kewangan berhubung dengan isu-isu amalan pasaran. Penzahiran dalam risalah jualan dan pemasaran yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan adalah lebih seimbang khususnya dalam menyatakan aspek risiko dan pulangan, sementara penggunaan bahasa yang mudah telah diperluas kepada pelbagai kontrak kewangan. Pada tahun 2012, Bank memperkukuh keperluan sedia ada terhadap nasihat berkaitan produk dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga dan mengenakan keperluan ke atas semua bank Islam untuk memberikan ibra' (rebat) kepada pelanggan yang melunaskan kontrak pembiayaan dengan lebih awal. Melangkah ke hadapan, platform antara agensi akan ditubuhkan untuk menjalankan kajian menyeluruh terhadap jurang yang ada dalam rejim pengawalseliaan sedia ada bagi penyedia kredit, dengan tujuan untuk membentuk perundangan kredit pengguna yang menyeluruh yang akan menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih padu untuk mengawal aktiviti kredit pengguna di Malaysia.

Usaha untuk menghalang sektor kewangan daripada dipergunakan untuk kegiatan haram juga telah digiatkan pada tahun 2012. Bank melaksanakan program melesenkan semula industri perniagaan perkhidmatan wang, yang telah dengan nyata meningkatkan kapasiti operasi dan kewangan pengurup wang berlesen dan penyedia perkhidmatan kiriman wang, sekali gus memperkukuh kawalan terhadap risiko yang dikaitkan dengan jenayah

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

kewangan. Secara keseluruhan, bilangan pemilik lesen perniagaan perkhidmatan wang menurun kepada 515 daripada 839 pada akhir Disember 2011 berikutan inisiatif pelesenan semula ini. Pada tahun 2012, rangka kerja perundangan bagi pencegahan pembiayaan aktiviti keganasan telah diperkukuh lagi untuk meliputi skop kesalahan predikat yang lebih luas sambil kerja-kerja dimulakan untuk mengkaji rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan untuk mengambil kira piawaian antarabangsa semakan yang dikeluarkan pada bulan Februari 2012 oleh Kumpulan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force).

Bagi memastikan pengawasan yang berkesan terhadap sistem kewangan ekoran hubungan serantau dan antarabangsa yang terus berkembang, Bank terus mengukuhkan pengaturan kerjasamanya dengan bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan lain. Pengaturan dalam negeri bagi kerjasama antara Bank dengan pihak berkuasa lain di Malaysia yang menyumbang kepada kestabilan kewangan, khususnya Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, juga terus ditingkatkan.

Dalam bidang sistem pembayaran dan penyelesaian, beberapa penambahbaikan telah dibuat terhadap operasi, sistem dan langkah pengurangan risiko pada tahun 2012 untuk memastikan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-Time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) terus memenuhi piawaian antarabangsa yang tinggi, Tumpuan yang lebih juga diberikan kepada usaha memperkukuh piawaian keselamatan instrumen pembayaran serta memastikan keandalan (reliability) operasi sistem pembayaran runcit. Kerugian akibat penipuan pembayaran runcit kekal kecil pada tahun 2012.

Pembangunan Sektor Pembangunan

Inisiatif dasar pada tahun 2012 tertumpu pada memanfaatkan potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia dengan menggalakkan persekitaran yang mantap untuk pengantaraan dana kepada bidang pertumbuhan baharu dan pengukuhan kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa.

Aktiviti pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh sektor kewangan. Jumlah pembiayaan terkumpul sektor perbankan meningkat sebanyak 10.4% kepada RM1,108 bilion pada akhir tahun 2012, dengan pembiayaan kepada PKS mencakupi RM189 bilion atau 40.5% daripada jumlah pembiayaan perniagaan. Pembiayaan kepada pengusaha mikro menerusi skim Pembiayaan Mikro berjumlah RM870.3 juta, dan telah disalurkan kepada lebih 68,000 akaun kewangan mikro. Produk pembiayaan yang lebih fleksibel untuk perusahaan mikro telah diperkenalkan, dan kemajuan selanjutnya telah dicapai dalam membangunkan keupayaan penilaian kredit dan pengurusan risiko bank dalam menyediakan pembiayaan untuk usaha niaga teknologi hijau.

Pasaran sekuriti hutang kekal sebagai sumber pendanaan yang penting kepada syarikat, melebihi RM1 trilion (atau 110% daripada KDNK) pada tahun 2012 dari segi nilai terbitan sekuriti hutang terkumpul. Penambahan

peruntukan modal oleh Kerajaan kepada Danajamin Nasional Berhad akan terus meningkatkan keupayaan Danajamin untuk menambah baik akses yang berkesan dari segi kos kepada pasaran bon bagi penerbit yang ingin memperoleh dana jangka lebih panjang. Dalam pasaran wang, Bank terus memperkenalkan produk baharu untuk memudahkan pengurusan mudah tunai yang lebih cekap oleh institusi kewangan Islam. Ekoran kebimbangan yang meningkat pada peringkat global mengenai amalan manipulasi kadar berhubung kadar tanda aras pasaran kewangan, Bank dan industri kewangan telah mengambil langkah tambahan untuk memelihara kewibawaan kadar tanda aras domestik yang utama dan memperkukuh keyakinan peserta pasaran dalam penggunaan kadar ini. Untuk terus mendalamkan pasaran pertukaran asing, tumpuan segera telah diberikan untuk menambah baik akses serta ketersediaan yang lebih meluas kepada rangkaian instrumen perlindungan nilai. Sehubungan dengan itu, peraturan pentadbiran pertukaran asing telah diliberalisasikan selanjutnya untuk menggalakkan lebih banyak inovasi dalam produk pertukaran asing yang ditawarkan dan permintaan terhadap penyelesaian pengurusan mata wang asing yang lebih cekap.

Kumpulan perbankan domestik terus memperluas kehadiran serantau mereka dengan operasi luar negeri mereka kini di 21 buah negara. Usaha untuk mendalamkan integrasi kewangan serantau turut meraih momentum selanjutnya dengan negara anggota ASEAN kini berada pada peringkat akhir pelancaran rangka kerja integrasi sektor perbankan yang akan menyokong peranan lebih dinamik dan bermakna oleh bank ASEAN yang layak di rantau ini. Pelancaran platform rintis untuk pelaburan dan penyelesaian sekuriti hutang merentas sempadan di Malaysia dan Hong Kong, selain menerima pakai pelan pembangunan baharu oleh negara-negara anggota ASEAN+3 selaras dengan Inisiatif Pasaran Bon Asia dijangka menyumbang kepada pendalaman selanjutnya pasaran bon Asia. Ketersediaan rantau ini untuk bertindak balas terhadap krisis juga semakin diperkukuh, susulan penambahbaikan pada Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai dan usaha berterusan untuk memperkukuh pengaturan sedia ada bagi pengurusan dan penyelesaian krisis dalam perkumpulan Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP).

Sektor kewangan Islam meneruskan trajektori pertumbuhannya, dengan mencatat pertumbuhan kukuh dalam aset perbankan Islam, aset takaful, sukuk dan perniagaan mata wang asing. Sektor perbankan Islam mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.8% dalam jumlah aset, untuk mencakupi 23.8% daripada jumlah aset dalam seluruh sistem perbankan (termasuk IKP), sementara jumlah aset dana takaful meningkat sebanyak 12.4% kepada RM19 bilion, dengan jumlah caruman takaful mencakupi 13.6% daripada jumlah premium dan caruman dalam industri insurans dan takaful. Malaysia kekal sebagai pasaran penting untuk menyokong pengantarabangsaan kewangan Islam dan terbitan sukuk pada peringkat global dengan sukuk yang diterbitkan di Malaysia mencakupi 74% daripada jumlah terbitan sukuk global. Bagi menyokong tadbir urus dan pematuhan Syariah dari awal hingga akhir secara berkesan dalam sektor kewangan Islam, rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak telah disediakan,

yang menjajarkan prinsip perundangan dan pengawalseliaan dengan hukum Syariah, dan akan berperanan sebagai tanda aras berguna untuk mengembangkan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih menyeluruh. Usaha ini diperlengkap dengan inovasi berterusan dalam pasaran sukuk, tumpuan mendalam terhadap penyelidikan, dan usaha berterusan untuk membangunkan bekalan tenaga mahir yang besar untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat dalam industri kewangan Islam.

Penunjuk rangkuman kewangan telah memperlihatkan peningkatan dari segi akses kepada akaun deposit, sementara akses kepada akaun pembiayaan kekal pada tahap yang tinggi. Pada tahun 2012, dua inisiatif penting untuk meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan di Malaysia telah dilaksanakan, iaitu rangka kerja perbankan ejen dan platform MyMobile. Sejak perbankan ejen diperkenalkan, Bank mendapati bahawa 75% daripada 837 mukim dengan penduduk lebih daripada 2,000 orang mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses kewangan. Ini merupakan peningkatan ketara daripada hanya 46% pada tahun 2011. Jumlah transaksi melalui ejen bank juga adalah lebih daripada tiga juta, dengan nilainya melebihi RM446 juta.

Pada tahun 2012, Bank terus memajukan inisiatif keupayaan dan pendidikan kewangan untuk memperkasakan rakyat Malaysia bagi membina, mengurus dan melindungi kekayaan peribadi mereka. Tumpuan segera adalah untuk menggalakkan kemahiran keupayaan kewangan daripada peringkat umur awal menerusi kurikulum sekolah dan memperkenalkan program keupayaan kewangan berdasarkan peristiwa hidup untuk golongan dewasa. Lebih 117,000 individu telah mendapat manfaat daripada program POWER! pada tahun 2012, yang menyediakan pengajaran dan alat praktikal untuk pengurusan hutang dan aliran tunai yang berkesan kepada golongan muda dan peminjam kali pertama, manakala program keupayaan kewangan khas telah disampaikan kepada lebih 1,500 peserta 1AZAM, bagi membantu orang perseorangan supaya boleh menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik lagi dan menggalakkan tabiat menabung yang baik.

Kemajuan selanjutnya dicapai pada tahun 2012 ke arah menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran) yang lebih meluas, dengan peningkatan ketara dilihat dalam penggunaan e-pembayaran dalam dua tahun kebelakangan ini. Pembaharuan penentuan harga akan dilaksanakan untuk menangani perbezaan harga antara pembayaran berasaskan kertas dengan e-pembayaran serta membenarkan penentuan harga perkhidmatan pembayaran untuk mencerminkan kos pengeluaran dengan lebih tepat. Pelaksanaan rangka kerja penentuan harga akan diselaraskan dengan teliti bagi memastikan akses yang luas dan mudah, dan pada masa yang sama memberikan masa yang mencukupi kepada orang ramai dan para peniaga untuk menyesuaikan diri dengan alternatif e-pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos.

Pelaksanaan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 berjalan lancar. Sebanyak 76 inisiatif yang mencakupi 35% daripada jumlah inisiatif telah disempurnakan atau dilaksanakan secara berterusan. Ini termasuk enakmen Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act, FSA) dan Akta

Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act, IFSA), pembangunan rangka kerja perbankan ejen, dan membenarkan penyertaan asing yang lebih besar dalam pasaran derivatif kadar faedah tempatan.

Prospek dan Keutamaan pada Tahun 2013

Prospek terhadap kestabilan kewangan domestik pada tahun 2013 kekal positif, disokong oleh asas-asas kukuh dalam sistem kewangan Malaysia. Meskipun persekitaran luaran dijangka terus mencabar, potensi risiko terhadap kestabilan kewangan domestik berpunca terutamanya daripada kelemahan umum dalam keadaan ekonomi luaran yang dipindahkan melalui saluran perdagangan. Sektor kewangan Malaysia berada pada kedudukan kukuh untuk menangani perkembangan luaran yang tidak menggalakkan berikutan adanya penampan kewangan institusi kewangan yang mantap, pengaturan institusi yang menyeluruh yang tersedia untuk bertindak balas kepada risiko kepada seluruh sistem, dan yang paling penting, penambahbaikan yang teguh dan berterusan dalam amalan pengurusan risiko kredit, pasaran dan operasi bagi institusi perbankan. Keadaan mudah tunai dan pembiayaan pada tahun 2013 juga dijangka kekal menyokong pengantaraan dalam negeri. Pada tahun 2013, aktiviti penyeliaan dan pengawasan makro akan terus memberikan tumpuan pada pengembangan perniagaan dan pemberian pinjaman oleh institusi kewangan bukan bank, leveraj yang tinggi bagi isi rumah berpendapatan rendah serta perkembangan dalam pasaran harta tanah.

Bank Negara Malaysia
20 Mac 2013

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my